

ABSTRAK

Pendidikan mempunyai fungsi kepada negara bagi mewujudkan sumber manusia yang berkemampuan mengisi keperluan pembangunan negara dan kepada individu untuk memperkayakan hidup supaya berupaya mengambil bahagian sepenuhnya dalam kehidupan masyarakat dan kemanusiaan sejagat. Untuk itu pendidikan harus diselaraskan dengan perubahan sekitar agar ianya tidak ketinggalan dalam mencanai pemikiran dan budaya manusia. Namun begitu di tengah-tengah kepesatan pembangunan sistem pendidikan, ada pihak yang merasa tersepit, iaitu guru. Penilaian dan pemerhatian yang sewajarnya diperlukan bagi mengatasi masalah yang menimpa mereka. Ini dikukuhkan lagi dengan hasil kajian yang membuktikan bahawa masalah stres memang berlaku dalam dunia perguruan. Terdapat banyak faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan guru terhadap kerjaya mereka. Diharapkan kajian ini dapat membantu meringankan beban stres di kalangan guru.